

10 JAN 2003

Ireland-Inggeris/I

KERJASAMA PENDIDIKAN DENGAN IRELAND PADA BILA-BILA MASA

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Ireland Brian Cowen berkata sektor pendidikan Ireland bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan Malaysia dalam bidang kepakaran bahasa Inggeris pada bila-bila masa yang diinginkan oleh Malaysia.

Beliau berkata dalam perjumpaannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Datuk Seri Syed Hamid Albar, beliau mendapati kerajaan Malaysia begitu menekankan kepentingan ekonomi menerusi peningkatan kepakaran dalam bahasa Inggeris.

Tidak syak lagi bahawa bahasa Inggeris telah menyumbang kepada perkembangan dramatik ekonomi Ireland dalam beberapa tahun lepas, berpunca daripada evolusi semasa ekonomi global yang merubah bahasa Inggeris sebagai perantara utama dalam perniagaan, teknologi dan masyarakat bermaklumat, katanya.

"Ireland telah menjadi pusat utama bagi pengajian antarabangsa bahasa Inggeris ekoran permintaan yang meningkat terhadap pengetahuan bahasa Inggeris.

"Oleh itu institusi pendidikan dan sekolah bahasa kami berharap dapat menyumbang kepada keperluan Malaysia dalam bidang kepakaran bahasa Inggeris," katanya semasa melawat Perpustakaan Negara di sini hari ini.

Cowen adalah dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia. Sempena lawatannya ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), beliau menyumbang 150 buah buku yang ditulis oleh pengarang bukul terkenal Ireland seperti Jonathan Swift, George Bernard Shaw, Oscar Wilde, James Joyce, W.B. Yeats, Sean O' Casey dan Samuel Beckett.

Sementara itu Ketua Pengarah PNM, Datuk Zawiyah Baba berkata Kedutaan Ireland di sini telah memberikan kerjasama penuh mereka kepada PNM, bukan sahaja dalam pelaksanaan aktiviti politik dan ekonomi malah dalam lain-lain bidang.

Kerjasama itu menurut beliau, termasuk penyertaan Duta Ireland Daniel Mulhall dalam program 'My Favourite Read' tahun lepas.

"Kami ingin mengeratkan hubungan dan kerjasama dengan Chester Beatty Library dalam usaha mendapatkan salinan manuskrip Melayu daripada perpustakaan berprestij itu." katanya.

-- BERNAMA

SOP AHH HM